

21 JUL 2000

Isa-Ma'unah

SERAMAI 31 ANGGOTA KUMPULAN AL-MA'UNAH DIKESAN DI N.SEMBILAN

SEREMBAN, 21 Julai (Bernama) -- Seramai 31 orang anggota kumpulan Al-Ma'unah dikesan di negeri ini, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, hari ini.

Katanya, polis telah memanggil serta menemubual anggota kumpulan itu, dan akan terus membuat pemantauan terhadap mereka.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Universiti Multimedia (MMU) di sini, beliau berkata kesemua mereka yang dikesan itu bukan merupakan golongan profesional.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan tempat mereka menjalankan kegiatan sebelum ini dan latar belakang mereka kerana menurutnya, polis sedang membuat siasatan lanjut.

Ketika ditanya mengenai pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kebanyakan daripada 1,800 anggota kumpulan Al-Ma'unah adalah anggota dan penyokong Pas, Mohamed Isa berkata itulah mungkin mengapa Pas tidak mengkritik dan mengutuk perbuatan kumpulan Al-Ma'unah yang merompak senjata dan membunuh.

Katanya perbuatan kumpulan Al-Ma'unah itu perlu dikutuk oleh semua pihak kerana ia berbuat sesuatu yang melanggar undang-undang negara dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Beliau berkata kejadian itu perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat Islam dengan mengawasi bersama mana-mana kumpulan pelampau atau ekstrim agama.

Mengenai MoU antara MAINS dan MMU itu, beliau berkata ia bertujuan mewujudkan kerjasama dalam mempertingkatkan kemajuan sains, teknologi serta pengurusan yang merangkumi aspek-aspek perundangan, latihan dan pendidikan.

Melalui MoU itu, MAINS akan menyumbang kepakaran dalam bentuk perundangan, kaunseling serta khidmat nasihat kepada MMU, manakala MMU pula akan memberikan khidmat nasihat dalam bentuk perkomputeran dan multimedia kepada MAINS.

Pada majlis menandatangani MoU itu, MAINS diwakili Mohamad Isa selaku Pengerusi MAINS dan setiausaha MAINS Ahmad Maher Abdul Manan manakala MMU diwakili presidennya Prof Dr Ghauth Jasmon dan Ketua, Unit Perhubungan Kerajaan Ridzwan Shoib.

-- BERNAMA

AS zb